# SUMBANGAN DAN CABARAN AMALAN BEKERJA DARI RUMAH (BdR) KE ATAS KESEIMBANGAN KERJA DAN KEHIDUPAN PEKERJA WANITA PEJABAT RISDA DAERAH KOTA SETAR, KEDAH SEMASA PANDEMIK COVID-19

**AI PELL A/P RIAM**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN**
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**
**2021**



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SUMBANGAN DAN CABARAN AMALAN BEKERJA DARI RUMAH (BdR) KE ATAS KESEIMBANGAN KERJA DAN KEHIDUPAN PEKERJA WANITA PEJABAT RISDA DAERAH KOTA SETAR, KEDAH SEMASA PANDEMIK COVID-19

**AI PELL A/P RIAM**

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN**
**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH2021**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PERAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Sumbangan Dan Cabaran Amalan Bekerja Dari Rumah (BdR) Ke Atas Keseimbangan Kerja Dan Kehidupan Pekerja Wanita Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah Semasa Pandemik COVID-19 adalah hasil usaha saya sendiri, melainkan petikan, rujukan, ringkasan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

Ai pell

22 Ogos 2021

Ai Pell a/p Riam

BA18110398



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGESAHAN

**NAMA : AI PELL A/P RIAM**

**NO. MATRIK : BA18110398**

**TAJUK : SUMBANGAN DAN CABARAN AMALAN BEKERJA DARI RUMAH (BdR) KE ATAS KESEIMBANGAN KERJA DAN KEHIDUPAN PEKERJA WANITA PEJABAT RISDA DAERAH KOTA SETAR, KEDAH SEMASA PANDEMIK COVID-19.**

Latihan ilmiah ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian dalam bidang Hubungan Industri.

__________________________ __________________________

Penyelia Tarikh

Profesor Madya Dr. Dzurizah Ibrahim

Pensyarah Hubungan Industri



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sumbangan dan menganalisis cabaran amalan bekerja dari rumah ke atas keseimbangan kerja dan kehidupan pekerja wanita Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah semasa pandemik COVID-19. Kajian ini dilakukan ke atas lima orang pekerja wanita Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah. Hal ini dilakukan adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan dengan sumbangan dan cabaran amalan bekerja dari rumah ke atas keseimbangan kerja dan kehidupan pekerja wanita yang telah berumah tangga dalam menguruskan kerja rumah dan kerja hakiki pada masa yang sama. Seterusnya, objektif kajian adalah meninjau sumbangan amalan BdR ke atas keseimbangan kerja dan kehidupan pekerja wanita Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah dan menganalisis cabaran BdR yang dialami oleh pekerja wanita semasa pandemik COVID-19. Kebanyakan informan yang terlibat ini merupakan pekerja wanita yang bekerja di bahagian kewangan dan pentadbiran dan telah berkahwin. Metodologi kajian dalam kajian ini iaitu pengkaji menggunakan sumber data primer yang diperoleh oleh pengkaji adalah melalui kaedah temu bual secara atas talian di mana pengkaji mengadakan panggilan bersuara melalui telefon secara terus kepada informan untuk mendapatkan data. Set soalan adalah disediakan oleh pengkaji hasil daripada objektif yang telah diwujudkan bagi menjawab semua objektif kajian dengan jawapan yang diberikan oleh informan secara jujur. Dengan ini, pengkaji akan mengajukan beberapa soalan melalui tiga peringkat utama kepada para informan dengan berdasarkan kepada maklumat yang dikehendaki oleh pengkaji terhadap informan. Hasil kajian mendapati bahawa kajian tersebut terdapat dapatan kajian yang baharu antaranya adalah keseimbangan kerja dan kehidupan, integrasi kerja dan kehidupan, dan masa bagi objektif pertama. Di samping itu, berdasarkan kepada temu bual yang dilakukan terhadap informan mendapati bahawa para informan menghadapi cabaran dari segi pengurusan masa untuk bekerja bagi objektif yang kedua. Implikasi kajian ini dapat dibahagikan kepada tiga aspek iaitu implikasi secara praktikal dan secara teoritikal serta metodologi.

Kata kunci: Keseimbangan kerja dan kehidupan, bekerja dari rumah, pekerja wanita, pandemik COVID-19.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# ABSTRACT

*This study aims to review the contribution and analyze the challenges of working from home practices on the work-life balance of women workers of the Kota Setar District RISDA Office, Kedah during the COVID-19 pandemic. This study was conducted on five female employees of the Kota Setar District RISDA Office, Kedah. This was done to find out more about the contribution and challenges of working from home practices on the work and life balance of married women workers in managing housework and essential work at the same time. Next, the objective of the study was to review the contribution of BdR practices on the work-life balance of women workers of the Kota Setar District RISDA Office, Kedah and analyze the BdR challenges experienced by women workers during the COVID-19 pandemic. Most of the informants involved were female employees working in the finance and administration divisions and were married. The research methodology in this study is that the researcher uses the primary data source obtained by the researcher is through online interview method where the researcher conducts a voice call over the phone directly to the informant to obtain data. The set of questions is prepared by the researcher as a result of the objectives that have been established to answer all the objectives of the study with the answers given by the informants honestly. With this, the researcher will ask some questions through three main stages to the informants based on the information required by the researcher to the informants. The results of the study found that the study there are new research findings such as work -life balance, work -life integration, and time for the first objective. In addition, based on the interviews conducted with the informants found that the informants face challenges in terms of time management to work for the second objective. The implications of this study can be divided into three aspects, namely the practical and theoretical implications as well as methodology.*

*Key words: Work-life balance, work from home, women workers, COVID-19 pandemic.*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGHARGAAN

Salam sejahtera, saya berasa sangat bersyukur kepada Tuhan kerana penulisan ini dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Dengan ini, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih buat Profesor Madya Dr. Dzurizah Ibrahim kerana memberi kerjasama, tunjuk ajar, bimbingan, nasihat serta dorongan sepanjang tempoh penyiapan penulisan latihan ilmiah ini. Terima kasih juga saya ucapkan atas kesabaran beliau dalam memberi maklum balas ke atas segala persoalan saya serta tidak jemu untuk memperbetulkan kesilapan yang saya lakukan dalam penulisan latihan ilmiah ini. Selain itu, sekalung terima kasih saya ucapkan kepada semua pensyarah Program Hubungan Industri Universiti Malaysia Sabah, serta pihak yang terlibat semasa kajian ini dijalankan iaitu Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah yang telah memberi sedikit sebanyak sumbangan dari segi kerjasama serta bantuan secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penulisan latihan ilmiah ini.

Penulis mengucapkan terima kasih kasih tidak terhingga buat ibu saya iaitu Sak Ngiam A/P Endin Chan yang merupakan ibu saya yang sentiasa memberi sokongan dari segi dana dan kemudahan yang lengkap untuk saya menyiapkan penulisan ini serta rakan-rakan yang sentiasa memberi sokongan positif kepada saya sama ada dari segi fizikal dan mental kepada penulis. Tidak lupa juga, ucapan ribuan terima kasih kepada rakan seperjuangan dalam program Hubungan Industri kerana memberi nasihat dan tunjuk ajar dalam menjalankan kajian ini kepada saya.

Akhir Sekali, sekiranya terdapat kebaikan dan kelebihan yang terdapat dalam penulisan ini ia sebenarnya datang daripada Tuhan dan sekiranya terdapat sebarang kekurangan atau kelemahan dalam penulisan ini, sesungguhnya ianya merupakan kelemahan dari diri saya sendiri. Sekian, Terima Kasih.

AI PELL A/P RIAM

BA18110398



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**ISI KANDUNGAN**

**SENARAI KANDUNGAN**


| | HALAMAN |
|---|---|
| **PENGESAHAN** | i |
| **PERAKUAN** | ii |
| **ABSTRAK** | iii |
| **ABSTRACT** | iv |
| **PENGHARGAAN** | v |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SENARAI KANDUNGAN**


| **BAB 1** | | **PENDAHULUAN** | |
|---|---|---|---|
| 1.1 | | Pengenalan | 1-2 |
| 1.2 | | Latar Belakang | 2-3 |
| 1.3 | | Permasalahan Kajian | 4-5 |
| 1.4 | | Persoalan Kajian | 5 |
| 1.5 | | Objektif Kajian | 5 |
| 1.6 | | Metodologi Kajian | 6 |
| | 1.6.1 | Proses Pengumpulan Data | 6 |
| | 1.6.2 | Persampelan | 7 |
| | 1.6.3 | Skop Kajian | 7-8 |
| | 1.6.4 | Teknik Analisis | 8-9 |
| 1.7 | | Kepentingan Kajian | 9-10 |
| 1.8 | | Struktur Penulisan Latihan Ilmiah | 10-14 |
| 1.9 | | Kesimpulan | 14-15 |
| **BAB 2** | | **SOROTAN LITERATUR** | |
| 2.1 | | Pengenalan | 16 |
| 2.2 | | Definisi Konseptual | 16 |
| | 2.2.1 | Konsep Bekerja Dari Rumah (Bdr) | 16-17 |




UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2.2.2 | Konsep Keseimbangan Kerja Dan Kehidupan | 17-21 |
| | 2.2.3 | Konflik Kerja Dan Khidupan | 21 |
| 2.3 | | Amalan Kerja Fleksibel | 21-23 |
| 2.4 | | Jenis-jenis Keseimbangan Kerja dan Kehidupan | 23-24 |
| 2.5 | | Definisi-Definisi Yang Berkaitan | 24 |
| | 2.5.1 | Pekerja Wanita | 24-26 |
| | 2.5.2 | Peranan Wanita Dalam Rumah Tangga | 26-27 |
| | 2.5.3 | Wanita Bekerja di Sektor Formal | 27-28 |
| 2.6 | | Objektif Pertama: Sumbangan Amalan Bekerja Dari Rumah Ke Atas Keseimbangan Kerja dan Kehidupan Pekerja Wanita | 28-29 |
| | 2.6.1.1 | Kemampuan Bekerja Menerusi Telekomunikasi | 29 |
| | 2.6.1.2 | Pelaksanaan E-Kerja | 29-30 |
| | 2.6.1.3 | Kepuasan Pekerja Terhadap Latihan Secara Atas Talian | 30-31 |
| | 2.6.2 | Kesejahteraan Kekeluarga | 32 |
| | 2.6.2.1 | Mengeratkan Hubungan Kekeluargaan | 32-33 |
| | 2.6.2.2 | Perkembangan Sosial Kanak-Kanak | 33-34 |


UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
UMS

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2.7 | | Objektif Kedua: Mengenal Pasti Cabaran Bekerja Dari Rumah Ke Atas Keseimbangan Kerja Dan Kehidupan Pekerja Wanita Semasa Pandemik Covid-19 | 34 |
| | 2.7.1 | Pengurusan Masa | 35 |
| | 2.7.1.1 | Pengurusan Masa Untuk Keluarga | 35 |
| | 2.7.1.2 | Pengurusan Masa Peribadi | 36-37 |
| | 2.8.2 | Tekanan | 37 |
| | 2.8.2.1 | Tekanan Antara Tuntutan Tanggungjawab Keluarga Dan Tugas Kerjaya | 37-38 |
| | 2.8.2.2 | Tekanan Keluarga | 38-39 |
| | 2.8.2.3 | Tekanan Terhadap Peningkatan Tuntutan Pekerjaan Dan Pertindihan Antara Pekerjaan Dan Kehidupan Rumah Tangga | 39-41 |
| 2.9 | | Teori-Teori Yang Berkaitan | 41 |
| | 2.9.1 | Teopri Sempadan (Border Theory) | 41 |
| | 2.9.1.1 | Kehidupan Kerja dan Keluarga | 42 |
| | 2.9.1.2 | Borders (Sempadan Antara Kerja dan Keluarga) | 42 |
| | 2.9.1.3 | Border Crossers (Melintasi Sempadan) | 42-43 |
| | 2.9.1.4 | Border Keepers (Penjaga Sempadan dan Anggota Penting Kehidupan Lain) | 43-44 |
| | 2.9.2 | Teori Fisher | 44-46 |
| 2.10 | | Kerangka Konseptual | 47-48 |
| 2.11 | | Kesimpulan | 48 |




UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

| Bab 3 | | METDOLOGI KAJIAN | |
|---|---|---|---|
| 3.1 | | | 49 |
| 3.2 | | Pengenalan | 49-51 |
| | 3.2.1 | Reka Bentuk Kajian | 51-52 |
| 3.3 | | Pendekatan Kaedah Kajian Kualitatif | 52-54 |
| 3.4 | | Unit Analisis | 54-55 |
| 3.5 | | Persampelan Kajian | 55 |
| 3.6 | | Teknik Persampelan Bertujuan | 55-56 |
| | 3.6.1 | Kaedah Pengumpulan Data | 56 |
| | 3.6.1.1 | Data Primer | 56-57 |
| | 3.6.1.2 | Temu Bual | 57-58 |
| | 3.6.2 | Temu Bual Separa Berstruktur | 59 |
| | 3.6.2.1 | Data Sekunder | 59 |
| 3.7 | | Kajian Sorotan Literatur | 59-60 |
| | 3.7.1 | Kesahan dan Kebolehpercayaan | 60 |
| 3.8 | | Pengesahan Informan Terhadap Data Temu Bual | 60 |
| | 3.8.1 | Teknik Analisis Data | 60-61 |
| | 3.8.2 | Analisis Tematik | 61-62 |
| | 3.8.3 | Pengekodan | 62 |
| | | Tema dan Kod | |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 3.8.3.1 | Objektif Pertama: Sumbangan Amalan Bekerja Dari Rumah Ke Atas Keseimbangan Kerja dan Kehidupan Pekerja Wanita | 63-64 |
| | 3.8.3.2 | Objektif Kedua: Cabaran Bekerja Dari Rumah Ke Atas Keseimbangan Kerja Dan Kehidupan Pekerja Wanita Semasa Pandemik COVID-19 | 64-65 |
| 3.9 | | Kesimpulan | 65 |
| **Bab 4** | | **DAPATAN KAJIAN** | |
| 4.1 | | Pengenalan | 66 |
| 4.2 | | Profil Informan | 66-69 |
| 4.3 | | Profil Organisasi | 69-70 |
| 4.4 | | Objektif Pertama: Sumbangan Amalan Bekerja Dari Rumah Ke Atas Keseimbangan Kerja dan Kehidupan Pekerja Wanita Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah. | 70 |
| | 4.4.1 | Kelancaran Proses Kerja Pejabat | 71 |
| | 4.4.1.1 | Keupayaan Berkomunikasi di Atas Talian | 71-72 |
| | 4.4.2 | Keseimbangan Kerja dan Kehidupan | 73 |
| | 4.4.2.1 | Ruang Untuk Bekerja | 73-74 |
| | 4.4.2.2 | Hubungan Kekeluargaan | 74 |
| | 4.4.3 | Integrasi Kerja dan Kehidupan | 74-75 |
| | 4.4.3.1 | Persefahaman Antara Ahli Keluarga | 75-76 |
| | 4.4.4 | Masa | 76-77 |
| | 4.4.4.1 | Keseimbangan Tuntutan Masa Kerja dan Kehidupan | 77-79 |
| | 4.4.4.2 | Masa Yang Fleksibel | 79-82 |





UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4.5 | | Objektif Kedua: Cabaran Bekerja Dari Rumah Ke Atas Keseimbangan Kerja Dan Kehidupan Pekerja Wanita Semasa Pandemik COVID-19. | 83 |
| | 4.5.1 | Pengurusan Masa | 83 |
| | 4.5.1.1 | Pengurusan Masa Bekerja | 83-85 |
| | 4.5.2 | Pengurusan Masa Untuk Keluarga | 86-88 |
| | 4.5.3 | Tekanan | 88 |
| | 4.5.3.1 | Tekanan Tuntutan Pekerjaan | 88-91 |
| | 4.5.3.2 | Tekanan Keluarga | 91-94 |
| 4.6 | | Perbincangan dan Analisis Perbandingan Antara Kerangka Dapatan Kajian Dengan Teori Yang Digunakan Dan Kajian Lepas | 95-96 |
| 4.7 | | Kesimpulan | 97 |
| Bab 5 | | **KESIMPULAN** | |
| 5.1 | | Pengenalan | 98 |
| 5.2 | | Ringkasan Kajian Objektif Pertama: | 98-100 |
| | | Sumbangan Amalan Bekerja Dari Rumah Ke Atas Keseimbangan Kerja dan Kehidupan Pekerja Wanita Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah. | |
| | | Ringkasan Kajian Objektif Kedua: | |




UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5.3 | | Cabaran Bekerja Dari Rumah Ke Atas Keseimbangan Kerja Dan Kehidupan Pekerja Wanita Semasa Pandemik COVID-19. | 100-103 |
| 5.4 | | Implikasi Kajian | 103 |
| | 5.4.1 | Implikasi Teoritikal | 103-104 |
| | 5.4.2 | Implikasi Praktikal | 104 |
| | 5.4.2.1 | Pihak Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah | 105 |
| | 5.4.2.2 | Pihak Pekerja | 105-106 |
| | 5.4.3 | Implikasi Metodologi | 106 |
| 5.5 | | Batasan Kajian | 106-107 |
| 5.6 | | Cadangan Kajian di Masa Hadapan | 107-108 |
| 5.7 | | Kesimpulan | 108-109 |
| | | Rujukan | 110-119 |
| | | Lampiran | 120-127 |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# SENARAI JADUAL

| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|


| | |
|---|---|
| 3.8.3.1 Objektif Kajian Pertama: | 63 |
| Sumbangan amalan BdR ke atas keseimbangan kerja dan kehidupan pekerja wanita di Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah. | |
| 3.8.3.2 Objektif Kajian Kedua: | 64 |
| Cabaran Yang Dialami Oleh Pekerja Wanita Yang Bdr Ketika Pandemik COVID-19. | |
| Jadual 4.1 Profil Informan | 67 |
| Jadual 4.2 Perbandingan Antara Kerangka Teori Dalam Kajian Lepas Dengan Kerangka Dapatan Kajian | 95 |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| 2.10 Kerangka Konseptual | 47 |




UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| RISDA | Rubber Industry Smallholders Development Authority |
| BdR | Bekerja dari Rumah |
| COVID-19 | Corona Virus Disease 2019 |
| WFH | Work From Home |
| WIPL | With Personal Life |
| PLIW | Personal Life Interference With Work |
| PLEW | Personal Life Enhancement Of Work |
| WEPL | Work Enhancement Of Personal Life |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 PENGENALAN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji dengan lebih lanjut berkaitan dengan sumbangan dan cabaran amalan bekerja dari rumah ke atas keseimbangan kerja dan kehidupan pekerja wanita Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah semasa pandemik COVID-19 di mana telah menjadi satu isu yang mendapat perhatian pada masa kini. Hal ini kerana pengkaji ingin mengenal pasti sejauh mana sumbangan hasil daripada amalan bekerja dari rumah (BdR) ke atas keseimbangan kerja dan kehidupan pekerja wanita dan juga menganalisis cabaran yang dialami oleh pekerja wanita sepanjang pelaksanaan BdR ketika pandemik COVID-19. Kajian ini dilakukan memandangkan kebanyakan pekerja terpaksa mengikut arahan dari pihak organisasi untuk bekerja di rumah akibat daripada penyebaran pandemik COVID-19 yang berleluasa menyebabkan banyak sektor perniagaan yang terpaksa berhenti untuk beroperasi dengan sepenuhnya dalam jangka masa tertentu. Oleh itu, tajuk kajian yang telah disediakan oleh pengkaji adalah Sumbangan dan Cabaran Amalan Bekerja Dari Rumah (BdR) ke atas Keseimbangan Kerja dan Kehidupan Pekerja Wanita Pejabat Risda Daerah Kota Setar, Kedah semasa Pandemik COVID-19.

Pemilihan tajuk kajian ini dibuat disebabkan pengkaji mendapati bahawa ramai golongan pekerja yang terlibat dalam krisis ini juga terdiri daripada golongan kakitangan sektor awam khususnya pekerja wanita yang berumah tangga bekerja dalam sektor perkhidmatan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai tenaga kerja dengan bekerja dari rumah menerusi kaedah-kaedah kerja baru selari dengan perkembangan teknologi terkini. Pada masa yang sama, golongan pekerja wanita ini juga memainkan peranan penting sebagai ahli keluarga yang banyak memberi sumbangan dari segi tenaga fizikal dan mental dalam menguruskan hal ehwal rumah tangga semasa proses bekerja dari rumah dilaksanakan. Hal ini sangat berkait rapat dengan keseimbangan kerja dan kehidupan yang mereka perlu lalui sepanjang proses bekerja dari rumah berlangsung. Kaedah pekerjaan yang baru ini telah menjadikan teknologi sebagai sesuatu yang wajar dengan keperluan pendekatan sistem maklumat yang unik untuk melakukan tugasan mereka (Lena & et al., 2020). Pelaksanaan bekerja dari rumah ini merujuk kepa-da pekerjaan yang


UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

dilakukan di luar pejabat utama dengan menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi yang lebih fleksibiliti dari segi masa dan tempat (Gajendran & Harrison, 2007).

Seterusnya, kajian ini dijalankan di sebuah organisasi iaitu Pejabat Risda Daerah Kota Setar, Kedah yang memiliki pekerja seramai 40 orang secara keseluruhannya. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memberi perhatian kepada pekerja wanita yang berumah tangga seramai lima orang sahaja disebabkan terdapat bebanan komitmen yang perlu mereka laksanakan iaitu komitmen organisasi serta keluarga dalam masa yang sama semasa melaksanakan tugas di rumah. Bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam, pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah seperti kaedah temu bual dalam mendapatkan data yang berkaitan dengan sumbangan hasil daripada amalan bekerja dari rumah dalam kalangan pekerja wanita ini yang juga dikenali sebagai seorang ibu di mana terdapatnya dwi peranan yang perlu bertanggungjawab. Oleh itu, hasil kajian ini akan memberi kepentingan yang bermakna, manfaat serta sumbangan kepada semua pihak yang terlibat untuk dijadikan panduan atau rujukan pada masa yang akan datang.

## 1.2 Latar Belakang

Penyebaran pandemik COVID-19 secara berleluasa di seluruh dunia pada masa kini telah memberi impak yang sangat mendalam kepada semua bidang termasuklah sosial, ekonomi, politik dan sebagainya (McKibbin & Roshen, 2020). Sektor pekhidmatan yang melibatkan aktiviti komunikasi atau interaksi secara bersemuka atau langsung yang terlibat dalam pandemik ini telah mendorong kepada wujudnya dasar penjarakan sosial yang kemudian diubah menjadi penjarakan fizikal yang menyebabkan pekerja secara majoritinya terpaksa bekerja dari rumah secara atas talian melalui beberapa medium menerusi telefon pintar atau komputer riba selaras dengan kemajuan teknologi terkini (Gallagher, 2020). Menurut Lena & et al. (2020) juga menyatakan bahawa pekerja perlu me-nyesuaikan diri dengan cepat supaya berupaya dalam menggunakan teknologi baru selaras dengan perubahan dalam kehidupan kerja. Hal ini kerana corak kehidupan masyarakat khususnya pekerja wanita yang berumah tangga berubah dengan sepenuhnya di mana terdapat ramai pekerja yang masih lagi tidak dapat melaksanakan tugasan seperti biasa seperti sebelum ini.


UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Sehubungan dengan itu, revolusi kerja secara fleksibel serta bekerja dari rumah akan menjadi amalan kerja baru yang memerlukan kaedah pekerjaan yang lebih fleksibel dalam memenuhi permintaan organisasi untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan (gajendran & Harrison, 2007). Dengan ini, penglibatan pekerja dalam bekerja dari rumah khususnya wanita bekerjaya yang berumah tangga dalam dunia pekerjaan norma baharu dalam era COVID-19 ini memberi impak yang sangat mendalam. Hal ini kerana golongan tersebut mempunyai dwi peranan di mana mereka perlu memberi komitmen terhadap organisasi dan mengurus hal ehwal keluarga pada masa yang sama (Zhiyu & Krishnan, 2020). Persekitaran pekerjaan yang baru memerlukan para pekerja wanita tersebut untuk dapat menyesuaikan diri dengan kaedah pekerjaan yang baru di mana mempunyai cabaran yang sangat tinggi dari segi fizikal dan mental. Oleh itu, kajian ini memberi penekanan terhadap sumbangan dan cabaran yang terdapat hasil daripada pelaksanaan kerja dari rumah ke atas keseimbangan kerja dan kehidupan dalam kalangan pekerja wanita.

Seterusnya, keseimbangan kerja dan kehidupan merupakan elemen yang penting di mana ia semakin diberikan perhatian oleh setiap pihak seluruh negara. Hal ini dikatakan demikian kerana keseimbangan kerja dan kehidupan adalah suatu pekerjaan yang bebas khususnya dalam menggunakan waktu bekerja secara fleksibel untuk menyeimbangkan pekerjaan dengan komitmen yang lain seperti keluarga, hobi, aktiviti-aktiviti serta tanggungjawab yang tertentu selain daripada pekerjaan yang tetap (Frame dan Hartog, 2003:4). Dengan ini juga, terdapat beberapa aspek keseimbangan kerja dan kehidupan di mana merangkumi keseimbangan waktu, keseimbangan keterlibatan, dan keseimbangan kepuasan. Bagi keseimbangan waktu ini merujuk kepada persamaan yang berlaku antara masa yang diperuntukkan oleh seseorang untuk melakukan pekerjaannya dengan masa yang terluang untuk keluarga selain daripada kehidupan kerjanya. Hal ini juga merujuk kepada masa yang diperlukan oleh seseorang dalam melaksanakan tugas organisasi yang telah diamanahkan dan peranannya dalam kehidupan sehariannya. Oleh itu, bekerja dari rumah sangat berkait rapat dengan keseimbangan kerja dan kehidupan di mana ia akan memberi sumbangan serta cabaran kepada pekerja khususnya pekerja wanita dalam menguruskan hal-hal peribadi di samping pekerjaan hakiki.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## 1.3 Permasalahan Kajian

Perbincangan dalam kajian lepas mengenai kaedah pekerjaan baru yang merujuk kepada bekerja dari rumah ini telah memberi kesan terhadap kesejahteraan bagi pekerja (Golden, 2012). Dalam kajian ini telah menekankan beberapa faedah bekerja dari rumah di mana kaedah pekerjaan ini membebaskan pekerja daripada gangguan atau konflik yang berlaku di tempat kerja atau pejabat yang membantu pekerja bagi menumpukan perhatian terhadap proses pelaksanaan kerja secara individu di rumah (Kelliher & Anderson, 2010; Mazzi, 1996). Namun begitu, kaedah pekerjaan baru yang mementingkan penggunaan teknologi ini memberi tekanan kepada pekerja mengenai hubungan pekerjaan dengan organisasi di mana perlu memberi maklum balas secara berterusan disebabkan bekerja dari rumah yang lebih fleksibel dalam pengaturan kerja (Matusik & Mickel, 2011). Tambahan pula, tanggungjawab yang lain terutamanya wanita bekerjaya dengan mengorbankan masa lapang mereka untuk menjaga anak-anak pada masa yang sama kerana kebanyakan sekolah dan kemudahan jagaan kanak-kanak ditutup semasa pandemik COVID-19 (Mattingly & Blanchi, 2003). Dengan ini, pekerjaan yang dilaksanakan dari rumah bukan sahaja melibatkan kemampuan teknologi semata-mata tetapi juga melibatkan kerjasama antara ahli keluarga bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif serta berkesan (Leonardi, 2013). Oleh itu, masalah ini perlu diberi perhatian dengan serius bagi mengelakkan konflik yang berlaku antara keluarga dalam menjalankan tugas sebagai seorang pekerja. Justeru, bekerja dari rumah juga mampu menyumbang impak atau disebaliknya iaitu wujudnya konflik kepada keseimbangan kerja dan kehidupan yang menjadi persoalan terutamanya ketika pandemik COVID-19 ini.

Di samping itu, terdapat pelbagai platform untuk berkomunikasi sepanjang bekerja dari rumah di mana akan memberi peluang kepada pekerja dapat berhubung dengan rakan sekerja yang lain supaya sebarang urusan dapat dipermudahkan (Majchzak & Markus, 2012). Dengan adanya teknologi, peluang untuk komunikasi adalah sama ra-ta tanpa menghiraukan jarak fizikal dan juga struktur yang terdapat hierarki antara pemimpin atasan dan ahli pekerja yang lain. Hal ini bekerja dari rumah telah menyebabkan golongan pekerja ini yang terpinggir daripada ahli keluarga secara sosial kembali dengan lebih dekat (Cooper & Kurland, 2002). Namun begitu, terdapat sebilangan pekerja yang mampu melaksanakan kegiatan kerja di rumah di mana persekitaran rumah yang kondusif lebih mempengaruhi produktiviti seseorang



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

pekerja (Sheehy, 2008). Hal ini kerana bekerja dari rumah kemampuan persekitaran sangat terbatas dalam melakukan interaksi sosial sama ada dengan rakan atau aktiviti fizikal. Batasan ini mempengaruhi kesejahteraan pekerja dan secara tidak langsung mempengaruhi keberkesanan dan kecekapan kerja secara berpasukan (Lena & et al., 2020). Berbeza dengan karya sebelumnya di mana bekerja dari rumah lebih jauh mempunyai autonomi untuk menjadualkan tugas profesional dan domestik mereka secara fleksibel (Gajendran & Harrison, 2007), kerja yang dilakukan dari rumah menimbulkan pelbagai cabaran bagi banyak pekerja pengetahuan kerana mereka sering berkongsi persekitaran rumah kerja mereka yang baru dengan ahli keluarga mereka yang lain sehingga menimbulkan pelbagai gangguan. Oleh itu, kemampuan dalam penggunaan teknologi dalam pekerjaan dan kemampuan persekitaran domestik mencetuskan isu kesihatan mental, produktiviti, dan keseimbangan kerja dan kehidupan. Justeru itu, hal ini telah menimbulkan persoalan di mana terdapat cabaran dalam kalangan pekerja wanita dalam mengamalkan amalan BdR ketika pandemik COVID-19.

## 1.4 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang disediakan untuk mencapai beberapa objektif kajian iaitu:

i. Sejauh mana amalan BDR menyumbang kepada keseimbangan kerja dan kehidupan dalam kalangan pekerja wanita di Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah?
ii. Apakah cabaran yang dialami pekerja wanita yang mengamalkan BdR ketika pandemik COVID-19?

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai beberapa objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji berdasarkan permasalahan kajian iaitu antaranya adalah:

i. Meninjau sumbangan amalan BdR ke atas keseimbangan kerja dan kehidupan pekerja wanita Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah.
ii. Menganalisis cabaran BdR yang dialami oleh pekerja wanita semasa pandemik COVID-19.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## 1.6 Metodologi Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan beberapa kaedah pelaksanaan kajian yang penting sepanjang kajian dilakukan. Dengan itu, aspek-aspek yang dibincangkan meliputi reka bentuk kajian, instrumen kajian, lokasi kajian dan pensampelan kajian.

### 1.6.1 Proses Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Dalam pendekatan ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual yang dilakukan terhadap lima orang informan yang terdiri daripada pekerja wanita untuk mencapai beberapa objektif yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu Sumbangan Dan Cabaran Amalan Bekerja dari Rumah ke atas Keseimbangan Kerja dan Kehidupan Pekerja Wanita Pejabat RISDA Daerah Kota Setar, Kedah semasa Pandemik COVID-19. Melalui kaedah ini pengkaji mengajukan beberapa soalan kepada informan yang telah dipilih menerusi panggilan telefon atau dikenali sebagai kaedah temu bual secara tidak langsung berkenaan dengan tajuk kajian yang mengikut bahagian objektif kajian tersebut. Kaedah ini sangat sesuai digunakan pada masa kini kerana keadaan semasa yang mengehad-kan pergerakan sosial serta berkomunikasi secara langsung di seluruh tempat untuk mengelakkan penyebaran pandemik COVID-19. Oleh itu, pengkaji tidak perlu berjumpa secara bersemuka dengan pihak in-forman sepanjang proses mendapatkan data dijalankan.

Selain itu, melalui kaedah ini pengkaji menggunakan aplikasi terkini dalam menghubungi informan-informan khususnya melalui Whatsapp yang dijadikan sebagai medium bagi menyampaikan beberapa maklumat berkenaan dengan kajian sebelum panggilan suara melalui telefon dilakukan kepada informan. Proses pengumpulan data ini akan dilakukan kepada lima pekerja wanita yang terlibat dalam bahagian kewangan dan pentadbiran di mana mempunyai tanggungjawab kerja yang berlainan serta latar belakang keluarga yang berbeza. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat melihat sumbangan dan cabaran yang terdapat dalam kalangan pekerja wanita yang berlainan dalam pelbagai aspek hasil daripada amalan bekerja dari rumah ke atas keseimbangan kerja dan kehidupan mereka.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## RUJUKAN

Abd Rahman, S. N. H., Kashim, M. I. A. M., & Pitchan, M. A. 2017. Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam. *e-BANGI*, 12(3), 1-16.

Abdullah, N., Hassan, K., & Ismail, N. S. A. 2018. Mampukah pekerja wanita mencapai imbangan kehidupan kerja: Kajian kes sektor awam, Dipetik dari http://repo.uum.edu.my/id/eprint/24670 pada 12 Januari 2021.

Adiningtiyas, N., & Mardhatillah, A. 2016. Work Life Balance Index Among Technician. *Jurnal Ilmu Ekonomi dan Sosial*, 5(3), 327-333.

Agusta, I. 2003. Teknik Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif. Pusat Penelitian Sosial Ekonomi. Bogor: Litbang Pertanian

Ali, N., Mustafa, M. S., & Ahmad, R. 2005. Pendekatan Temu Bual sebagai Metod Kajian Kes. Suatu Persepsi di Kalangan Pelajar Perempuan Cemerlang terhadap Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.

Alifah, A. 2021. Efek Mediasi Work-Family Conflict Terhadap Stres Kerja Pada Ibu Bekerja Di Rumah Selama Pandemi COVID-19. *Jurnal Ekobis: Ekonomi Bisnis & Manajemen*, 11(1), 1-16.

Alteza, M., & Hidayati, L. N. 2008. Work-Family Conflict Pada Wanita Bekerja: Studi Tentang Penyebab, Dampak Dan Strategi Coping. *Jurnal Universitas Negeri Yogyakarta*, 2-11.

Anwer, M. 2020. Academic labor and the global pandemic: Revisiting life-work balance under COVID-19. *Susan Bulkeley Butler Center for Leadership Excellence and ADVANCE Working Paper Series*, 3(1), 5-13.

Azhari, N., & Junaidi, J. 2008. Kajian sejauh manakah pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan menggunakan perkhidmatan e-learning secara wireless di sekitar kampus UTM. Universiti Teknologi Malaysia.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Baert, S., Lippens, L., Moens, E., Sterkens, P., & Weytjens, J. 2020. How do we think the COVID-19 crisis will affect our careers (if any remain)?. Discussion Paper Series. Belgium: Ghent University.

Bakar, N. R. H. A. 2013. Masa Kerja Fleksibel dalam Sektor Formal di Bandar: Mengimbangi Kerjaya dan Tanggungjawab Keluarga (Flexible Working Hours in the Urban Formal Sector: Balancing Career and Family Responsibilities). *Akademika*, 83(1), 77-80.

Bakar, N. R. H. A. 2017. Wanita bekerja dan pengurusan keluarga (Working women and the management of family). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(7), 155-162.

Barrick, M. R., & Mount, M. K. 1991. The big five personality dimensions and job performance: a meta-analysis. *Personnel psychology*, 44(1), 1-26.

Berawi, F. M. 2017. Metodologi Penyelidikan. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Bintang, S. K., & Astiti, D. P. 2016. Work-Life Balance Dan Intensi Turnover Pada Pekerja Wanita Bali Di Desa Adat Sading, Mangupura, Badung. *Jurnal Psikologi Udayana*, 3(3), 382-394.

Blumer, M. 1979. Concepts in the analysis of qualitative data. *Sociological Review*, 27(4), 641-677.

Burn, R.B. 1995. Introduction to research methods. Melbourne: Longman.

Brynjolfsson, E., Horton, J. J., Ozimek, A., Rock, D., Sharma, G., & TuYe, H. Y. (2020). COVID-19 and remote work: an early look at US data (No. w27344). National Bureau of Economic Research. Diakses dari https://www.nber.org/papers/w27344.pdf?utm_source=npr_newsleter&utm_medium=email&utm_content=20200630&utm_term=4643940&utm_campaign=money&utm_id=48388290&orgid= pada 15/11/2020

Chadee, D., Ren, S., & Tang, G. 2020. Is digital technology the magic bullet for performing work at home? Lessons learned for post COVID-19 recovery in hos-pitality management. *International Journal of Hospitality Management*, 92, 102-718.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Dharmawati, E. I. 2015. Pengaruh Motivasi Kerja Dan Keterampilan Manajerial Terhadap Kinerja Kepala Sekolah Dasar Negeri Se-Kecamatan Padalarang Kabupaten Bandung Barat (Doctoral dissertation, Universitas Pendidikan Indonesia).

Del Boca, D., Oggero, N., Profeta, P., & Rossi, M. 2020. Women's And Men's Work, Housework And Childcare, Before And During COVID-19. *Review of Economics of the Household*, 18(4), 1001-1017.

Delaporte, I., & Peña, W. 2020. Working from home under covid-19: Who is affected? evidence from latin american and caribbean countries. Evidence From Latin American and Caribbean Countries (April 1, 2020). *CEPR COVID Economics*, 14.

Dockery, M., & Bawa, S. 2020. Working from Home in the COVID-19 Lockdown. *BCEC*, 19, 1-5.

Dubey, A. D., & Tripathi, S. 2020. Analysing the sentiments towards work-from-home experience during covid-19 pandemic. *Journal of Innovation Management*, 8(1).

Fraenkal, J. R., & Wallen, N. E. 2007. How to design and evaluate research in education? United States: McGraw-Hill Education.

Feng, Z., & Savani, K. 2020. Covid-19 created a gender gap in perceived work productivity and job satisfaction: implications for dual-career parents working from home. Gender in Management: An International Journal. Diakses dari https://www.emerald.com/insight/content/doi/10.1108/GM- 07-2020-0202/full/html pada 16/11/2020

Fitriastuti, T. 2013. Pengaruh Kecerdasan Emosional, Komitmen Organisasional dan Organizational Citizenship Behavior terhadap Kinerja Karyawan. *JDM* (Jurnal Dinamika Manajemen), 4(2).

Green, N., Tappin, D., & Bentley, T. 2020. Working from home before, during and after the Covid-19 pandemic: implications for workers and organisations. *New Zealand Journal of Employment Relations*, 45(2).



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Handayani, A. 2013. Keseimbangan kerja keluarga pada perempuan bekerja: Tinjauan teori border. *Buletin Psikologi*, 21(2), 90.

Hamzah, A. 2010. Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 1-105.

Hasmurni, H. 2017. Komitmen organisasi, kepuasan kerja dan prestasi kerja dalam kalangan pensyarah universiti di Kota Batam Indonesia (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

Harris, L. 2003. Home-based teleworking and the employment relationship: Managerial challenges and dilemmas. Personnel review. Dipetik dari https://scholar.google.com/scholar?q=related:n5RTt3zQLfQJ:scholar.google.com/&scioq=Home-based+teleworking+and+the+employment+relationship+Managerial+challenges+and+dilemmas&hl=en&as_sdt=0,5 pada 05 Disember 2020.

Hjálmsdóttir, A., & Bjarnadóttir, V. S. 2021. "I have turned into a foreman here at home": Families and work–life balance in times of COVID-19 in a gender equality paradise. *Gender, Work & Organization*, 28(1), 268-283.

Ishak, A. S., & Rose, N. N. 2020. Kesan Tekanan Kerja Terhadap Hubungan Kekeluargaan. Dipetik dari https://scholar.google.com/scholar?q=related:tQ6ZGgnLYFwJ:scholar.google.com/&scioq=KESAN+TEKANAN+KERJA+TERHADAP+HUBUNGAN+KEKELUARGAAN&hl=en&as_sdt=0,5 pada 05 Disember 2020.

Jaafar, N. F., Zain, A., & Eshak, Z. 2020. Peranan Ibu Bapa Dalam Membantu Perkembangan Sosial Kanak-Kanak Melalui Aktiviti Bermain Semasa Perintah Ka-walan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 52-60.

Jasmi, K. A. 2012. Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.

Khairuldin, W. M. 2016. Analisis data kualitatif. Diakses dari https://www.slideshare.net/ wmkfirdaus/analisis-data-kualitatif-60716747 pada 28 Februari 2021.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kibbe, M. R. 2020. Consequences of the COVID-19 pandemic on manuscript submissions by women. *JAMA surgery*, 155(9), 803-804.

Lamsah, M. S., Rose, R. A. C., & Baker, R. 2021. Tahap Kepuasan Pekerja di Sektor Awam Terhadap Latihan Secara Atas Talian Mendepani Pandemik COVID-19 di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 6(1), 27-39.

RISDA Negeri Kedah. 2021. Laman Web Rasmi RISDA. Dipetik dari https://www.risda.gov.my/en/negeri-risda/negeri-kedah pada 20 May 2021.

Maria, G. A. R., & Nurwati, N. 2020. Analisis Pengaruh Peningkatan Jumlah Masyarakat Terkonformasi Covid-19 Terhadap Produktivitas Penduduk Yang Bekerja Di Jabodetabek. *Focus: Jurnal Pekerjaan Sosial*, 3(1), 1-15.

Martin, B. H., & MacDonnell, R. 2012. Is telework effective for organizations? A meta-analysis of empirical research on perceptions of telework and organization-al outcomes. Management Research Review. Dipetik dari https://scholar.google.com/scholar?q=related:ni0UTaG7FGMJ:scholar.google.com/&scioq=Is+telework+effective+for+organizations%3F+A+metaanalysis+of+empirical+research+on+perceptions+of+telework+and+organizational+outcomes&hl=en&as_sdt=0,5 pada 05 Disember 2020.

Maxwell, J. 1996. Qualitative research design: An interactive approach. Thousand Oaks: Sage Publication.

Mayangsari, M. D., & Amalia, D. 2018. Keseimbangan Kerja-Kehidupan Pada Wanita Karir. *Jurnal Ecopsy*, 5(1), 43-50.

McLaren, H. J., Wong, K. R., Nguyen, K. N., & Mahamadachchi, K. N. D. 2020. Covid-19 and Women's Triple Burden: Vignettes from Sri Lanka, Malaysia, Vietnam and Australia. *Social Sciences*, 9(5), 87.

Miles, M. B. & Huberman, A. M. 1994. Qualitative data analysis: An expanded sourcebook (2nd edition). Thousand Oaks, Califf: Sage.

Mohamad, M. Z., & Abdullah, A. H. 2018. Analisis Tematik Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc) Proses Penulisan Karangan Argumentatif Berasas-kan Kbat: Pemahaman Dan Amalan Pedagogi Guru Bahasa



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Melayu Tingkatan Empat. In Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam, 7(8).

Mokhtar, M. M., Yaakub, R., Amzah, F., & Jamil, M. 2018. Analisis tematik dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PIDC) proses penulisan karangan argumentative berasaskan KBAT: Pemahaman dan amalan pedagogi guru bahasa Melayu Tingkatan Empat. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam, 69-83. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.

Mungkasa, O. 2020. Bekerja dari Rumah (Working From Home/WFH): Menuju Tatanan Baru Era Pandemi COVID 19. *The Indonesian Journal of Development Planning*, 4(2), 126-150.

Mustajab, D., Bauw, A., Rasyid, A., Irawan, A., Akbar, M. A., & Hamid, M. A. 2020. Fenomena Bekerja dari Rumah sebagai Upaya Mencegah Serangan COVID-19 dan Dampaknya terhadap Produktifitas Kerja Working from Home Phenomenon as an Effort to Prevent COVID-19 Attacks and Its Impacts on Work Productivity.

Nasution, I., & Rosanti, R. 2020. Pengaruh Bekerja dari Rumah (Work From Home) Terhadap Kinerja Karyawan BPKP. *Jurnal Budgeting*, 1(1), 9-14.

Nor Ba'yah Abdul Kadir, N. H. 2019. Konflik Peranan Dalam Kalangan Ibu Bekerjaya: Analisis Kajian Daripada Pelbagai Negara dan Era. Dipetik dari https://www.researchgate.net/publication/337757461_KONFLIK_PERANAN_DALAM_KALANGAN_IBU_BEKERJAYA_ANALISIS_KAJIAN_DARIPADA_PELBAGAI_NEGARA_DAN_ERA pada 22 Februari 2021.

Nurhayati, D. A. W. 2020. Work From Home: Produktivitas Kerja Selama Di Rumah. Dipetik dari https://scholar.google.com/scholar?cluster=17891162022838734367&hl=en&as_sdt=0,5 pada 14 Disember 2020.

Othman Mohamed. 2001. Penulisan tesis dalam bidang sains sosial terapan. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Pieh, C., Budimir, S., & Probst, T. 2020. The effect of age, gender, income, work, and physical activity on mental health during coronavirus disease (COVID-19) lockdown in Austria. *Journal of psychosomatic research*, 136, 110-186.

Purwanto, A., Asbari, M., Fahlevi, M., Mufid, A., Agistiawati, E., Cahyono, Y., & Suryani, P. 2020. Impact of Work From Home (WFH) on Indonesian Teachers Performance During the Covid-19 Pandemic: An Exploratory Study. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(05), 6235-6244.

Puspitasari, N. 2020. Efisiensi Sistim WFH Pada Era Pandemi Bagi Wanita Pekerja. *Epigram*, 17(1), 37-42.

Putri, Q. D., Pradita, L., Zahra, L., Siregar, M. E. L., & Grasiaswaty, N. 2021. Gambaran Stres Kerja Pada Ibu Pekerja Selama Pandemi COVID-19. HEARTY: *Jurnal Kesehatan Masyarakat*, 8(2), 58-68.

Rahman, M. N. A., Zamri, S. N. A. S., & Eu, L. K. 2018. KAJIAN META-ANALISIS PENGETAHUAN GURU MATEMATIK DI MALAYSIA*. JuKu: Jurnal Kuriku-lum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(2), 11-22.

Rahmawati, A. 2016. Pengaruh Keseimbangan Kehidupan Kerja (Work Life Bal-ance) Dan Kepuasan Kerja Terhadap Loyalitas Guru SMK Swasta di Kecamatan Cakung Jakarta Timur. *Jurnal Manajemen Pendidikan*, 7(1), 1215-1224.

Riady, A. S. 2021. Bentuk Pembagian Peran Suami Istri Pada Keluarga Di Desa Kromasan, Ngunut, Tulungagung Pada Masa Pandemi COVID-19. *QAWWAM*, 15(1), 31-44.

Rijali, A. 2019. Analisis data kualitatif. Alhadharah: *Jurnal Ilmu Dakwah*, 17(33), 81-95.

Rubin, O., Nikolaeva, A., Nello-Deakin, S., & te Brömmelstroet, M. 2020. What Can We Learn From The COVID-19 Pandemic About How People Experience Working From Home And Commuting. Centre for Urban Studies: University of Amsterdam.

Zakaria, N. A. 2020. Realiti dan Cabaran Wanita Bekerjaya. Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS). Dipetik dari https://www.tsis.my/wp-



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

content/uploads/2020/05/PERSPEKTIF-Realiti-dan-Cabaran-Wanita-Bekerjaya-1.pdf pada 26 Februari 2021.

Sabil, S., & Marican, S. 2010. Stres dikalangan wanita bekerjaya: Kajian kes di Sarawak. Dipetik dari https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/33552/ pada 21 Januari 2021.

Saraswati, P. S., & Susrama, I. N. 2020. Peran Perempuan dalam Keluarga untuk Melindungi serta Pemenuhan Hak Anak Dimasa Pandemi COVID-19. Prosiding Webinar Nasional Universitas Mahasaraswati 2020, 131-138.

Savić, D. 2020. COVID-19 and Work From Home: Digital Transformation Of The Workforce. *Grey Journal* (TGJ), 16(2), 101-104.

Schieman, S., Badawy, P. J., A. Milkie, M., & Bierman, A. 2021. Work-Life Conflict During The COVID-19 Pandemic. *Socius*, 7, 1-19.

Shuhairimi, A., & Huzili, H. 2012. Ekspektasi Antara Hasrat Dan Realiti Wanita Bekerjaya Terhadap Pengurusan Kekeluargaan: Kajian di Universiti Malaysia Per-lis. *Journal of Human Development and Communication*, 1, 107-127.

Suharti, S. 2020. Keseimbangan Kerja Keluarga pada Perempuan Bekerja dengan Menggunakan Teori Border dan Islam. (Studi pada Karyawan Perempuan Kantor Kementerian Agama Kabupaten Kepulauan Selayar). (Doctoral Dissertation) Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar.

Yusof, M. F., & Romli, N. 2019. Aplikasi program Atlas. Ti dalam penyelidikan kualitatif pengajian pascasiswazah bidang Pengajian Islam: Suatu cadangan awal. *Al-Hikmah*, 11(1), 3-21.

Yusof, N. B. 2016. Pengurusan Elemen Psikologikal Sebagai Persediaan Menghadapi Bencana: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Mangsa Banjir Di Kelantan (Management Of Psychological Elements As Preparation In Facing Disasters: A Qualitative Study Of Flood Victims In Kelantan). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 30(2).

Waizenegger, L., McKenna, B., Cai, W., & Bendz, T. 2020. An affordance perspective of team collaboration and enforced working from home during COVID-19. *European Journal of Information Systems*, 29(4), 429-442.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Wolor, C. W., Solikhah, S., Fidhyallah, N. F., & Lestari, D. P. 2020. Effectiveness of E-Training, E-Leadership, and Work Life Balance on Employee Performance during COVID-19. The Journal of Asian Finance, Economics, and Business, 7(10), 443-450.

Zakaria, N. A. 2020. Realiti dan Cabaran Wanita Bekerjaya. Diakses dari https://www.tsis.my/wp-content/uploads/2020/05/PERSPEKTIF-Realiti-dan-Cabaran-Wanita-Bekerjaya-1.pdf pada 22 Februari 2021.

**Responden Yang Ditemu Bual**

Lak Ong Daw. 34 tahun. Kuala Nerang, Kedah. Penolong Akauntan. 15 May 2021.

Putri. 40 tahun. Bukit Jenun, Pendang. Pembantu Tadbir. 24 May 2021.

Rohaida Saad. 52 tahun. Daerah Pendang, Kedah. Bahagian Kewangan. 03 June 2021.

Siti Hanisah. 34 tahun. Alor Star, Kedah. Pembantu Tadbir. 12 June 2021.

Wafa Omar. 30 tahun. Pekan Langgar, Kedah. Pembantu Tadbir. 29 June 2021.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH